

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 NOVEMBER 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 12

Perkasakan ekonomi gig tangani ketidakpadanan pekerjaan, industri

Perkasakan ekonomi gig tangani ketidakpadanan pekerjaan, industri

- Dianggarkan pada masa ini, ditambah dengan fasa peralihan ke endemik, kadar kesukaran mencari kerja ini dijangka meningkat jika isu ketidakpadanan berlanjut
- Isu ketidakpadanan pekerjaan tidak boleh diabaikan kerana boleh membantutkan kadar produktiviti negara dan pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan



Oleh Dr Salwati Jamiludin dan Nazurah Abdul Malek
bhrenrcana@bh.com.my



Pensyarah Jabatan Pengajian Ekonomi dan Kewangan, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP), Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Ketua dunia menghadapi fasa pandemik COVID-19, banyak sektor ekonomi terjejas, termasuk pasaran buruh. Dunia menyaksikan bagaimana lanskap pasaran buruh berubah dengan jumlah pengangguran bertambah.

Data daripada Jabatan Perangkaan menunjukkan kadar pengangguran tinggi sehingga mencecah 5.4 peratus pada Mei 2020, berbanding hanya 3.3 peratus sejak tahun kelebakangan ini.

Hal ini berlaku kerana kesukaran pencari kerja, terutama graduan masuk ke pasaran buruh dan juga pekerja sedia untuk taruhan diberhentikan atas pelbagai faktor.

Pada 2021, data daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menunjukkan seramai 61,360 pekerja hilang pekerjaan, yang mana 64 peratus daripadanya pekerja berkemahiran tinggi (pengurusan, profesional, juruteknik dan profesional berseketu), 30 peratus daripadanya pekerja berkemahiran sederhana dan sebahinya pekerja asas.

Antara industri paling terkesan termasuklah pembuatan, pembinaan serta perdagangan borong dan runcit akibat daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk menghalang penyebaran COVID-19.

Situasi ini secara langsung menyumbang kepada ketidakpadanan pekerjaan (*occupational mismatch*) dan ketidakpadanan industri (*industry mismatch*).

Biasanya individu bekerja dalam satu pekerjaan atau industri bagi tempoh masa tertentu dan mempunyai kemahiran tertentu akan mempunyai kecenderungan mencari kerja di dalam pekerjaan atau industri sama. Namun, disebabkan perubahan lanskap pasaran buruh akibat pandemik, ia sukar bagi pencari kerja.

Dianggarkan pada masa ini, ditambah pula dengan fasa peralihan ke endemik, kadar kesukaran mencari kerja ini dijangka terus meningkat jika isu ketidakpadanan terus berlaku.

Jenis produktiviti negara

Terdapat beberapa petunjuk apabila pasaran buruh mula menghantarkan isyarat ketidakpadanan. Antaranya kadar pengangguran graduan tinggi (sekitar 32 peratus daripada jumlah keseluruhan pengangguran), namun kekosongan jawatan di negara ini lebih tertumpu kepada pekerjaan berkemahiran rendah, dan sederhana.

Data PERKESO 2021 mencatatkan 66 peratus jawatan kosong adalah daripada pekerjaan berkemahiran sederhana dan rendah di dalam tiga sektor utama iaitu pembuatan, penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman serta perdagangan borong dan runcit.

Petunjuk kedua adalah kenaikan gaji perlahan bagi tenaga kerja pendidikan tinggi. Kajian daripada Kementerian Sumber Manusia dan Bank Dunia pada 2016 mendedahkan pertumbuhan gaji pekerja berpendidikan tinggi agak perlahan disebabkan ketidakpadanan kemahiran.

Laporan Bank Negara pada 2018 menyatakan tempatan masih dibayar dengan upah dan gaji agak rendah berbanding pekerja di negara lain seperti Singapura dan Australia, walaupun selepas mengambil kira tahap produktiviti.

Ketika kesukaran untuk mengisi jawatan kosong atau tempoh lama diperlukan mengisi kekosongan. Tinjauan The Productivity and Investment Climate Survey Bank Dunia sebelum ini melaporkan majikan di Malaysia mendapat agak sukar mencari tenaga kerja, terutama pekerja berkemahiran.

Sekitar 40 peratus majikan menyatakan purata masa untuk mengisi kekosongan sesiawat jawatan adalah kira-kira empat minggu. Tempoh ini agak lama berbanding negara lain, contohnya, di Indonesia dan India, yang hanya mengambil masa kurang dua minggu.

Realitinya, pasaran buruh tetap akan menundukkan tahap ketidakpadanan tertentu kerana kekosongan jawatan tidak akan diisi dengan serta-merta. Bagaimanapun, kenaikan kadar ketidakpadanan melebihnya pada paras biasa, menjadikannya lebih sukar bagi pencari kerja dan bagi majikan, ia mengundang lebih banyak kos.

Isu ini tidak boleh diabaikan kerana boleh membantu kader produktiviti negara dan pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan kerana sumber modal insan sedia ada tidak dimanfaatkan secara optimum.

Ketidakpadanan buruh juga boleh menyebabkan pengangguran jangka panjang. Walaupun ada kajian menegaskan ketidakpadanan adalah fenomena sementara, namun apabila individu mengalami pengangguran akibat ketidakpadanan, pada peringkat permulaan kerjayanya, individu tersebut akan mempunyai peluang tinggi mengalami pengangguran jangka panjang.

Justeru, kerajaan perlu mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran dan latihan sambil bekerja bagi memadankan penawaran graduan dengan permintaan industri di dalam pasaran buruh.

Graduan perlu tingkat nilai tambah

Tidak dinafikan, kerajaan melancarkan banyak inisiatif untuk mengurangkan ketidakpadanan, seperti program 2u2l, iaitu program pembelajaran selama empat tahun yang mana graduan belajar di universiti selama dua tahun dan latihan industri selama dua tahun.

Namun, sama ada program itu mencapai kumpulan sasar tepat dan dilak-

kan dengan jayanya adalah satu lagi yang harus diperbaiki.

Selain itu, majikan juga harus mempromosikan jawatan kosong dan memastikan maklumat berkenaan kekosongan jawatan sampai kepada golongan sarasan, iaitu pencari kerja.

Amalan pengambilan pekerja semasa harus diperbaiki supaya tiada kerugian kepada modal insan negara dalam jangka panjang. Pada masa sama, graduan perlu meningkatkan nilai tambah diri mereka sendiri.

Mereka tidak seharusnya bergantung kepada proses pembelajaran dalam kelas sahaja, tetapi harus membangunkan kemahiran insaniah seperti kemahiran berkomunikasi, mahir dalam bahasa kedua dan juga mempunyai kemahiran keusahawanan yang membolehkan mereka mencipta peluang kerjaya sendiri.

Graduan juga seharusnya peka dengan lanskap pasaran buruh yang sentiasa berubah. Oxford Internet Institute ada menyenaraikan pekerjaan mempunyai permintaan tertinggi bagi setiap negara. Maka dengan adanya senaraian ini, mahasiswa boleh mengambil inisiatif merancang masa depan kerjaya mereka.

Di Malaysia, antara tiga bidang pekerjaan mempunyai permintaan tinggi pada masa hadapan adalah bidang pembangunan perisian dan teknologi, hasil kreatif dan multimedia serta perkeranian dan kemaskini data.

Trend ini sebenarnya dapat dilihat dengan adanya kemajuan teknologi dan internet yang membantu peluang pekerjaan baru pada akhir-akhir ini, lebih-lebih lagi pekerjaan ekonomi gig.

Tidak dinafikan, ekonomi gig mampu menjana pendapatan dan membuka ruang membendung pengangguran. Walaupun ada antara mereka menyerah pada ekonomi gig secara terpaksa akibat kehilangan pekerjaan, namun ada yang menyertai ekonomi gig.

Ini secara sukarela lebih-lebih lagi golongan muda.

Oleh itu, kerajaan atau pihak berkuasa harus lebih peka bagi memastikan perubahan struktur pasaran buruh ini tidak menjelaskan ekonomi dan mampu menjadi pemangkin kepada pemuliharaan dan pertumbuhan negara sejajar dengan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 dan Agenda Pembangunan Mampan 2030.

